

LATIHAN BAHAGIAN A

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

1. Asas Sistem Ekonomi Islam mengiktiraf pemilikan harta _____.
2. Manusia dianjurkan untuk berusaha dan bekerja bagi menjana _____.
3. _____ ialah pemilik sebenar harta yang menganugerahkannya dan mengamanahkannya kepada manusia.
4. Muamalat Islam memerlukan _____ dalam urusan antara kedua- dua belah pihak.
5. Ar Rahn dan _____ mempunyai persamaan dari sudut membantu orang yang memerlukan pembiayaan tunai segera atau perkhidmatan.
6. Manusia dianjurkan untuk berusaha dan bekerja bagi menjana _____.

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan.

1	Hubungan antara manusia dengan manusia lain dalam segenap aspek kehidupan yang merangkumi kekeluargaan, ekonomi, politik, pemerintahan, jenayah dan sebagainya.	
2	Tatacara urusan harian sesama manusia dalam memenuhi keperluan masing-masing melibatkan transaksi kewangan berlandaskan syariat Islam.	
3	Menyelesaikan pertikaian atau tuntutan antara dua pihak atau lebih melalui proses undang- undang berdasarkan hukum syarak.	
4	Perasaan taasub perkauman.	
5	Mesyuarat yang dijalankan bagi melakukan pertimbangan secara kolektif dan membuat keputusan yang paling berkualiti berdasarkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT.	

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul. Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

1	Kufur ialah perbuatan menyekutukan Allah SWT dalam sebarang bentuk sama ada melalui perbuatan, perkataan dan iktikad.	
2	Menjaga keselamatan ketika menaiki kenderaan merupakan bukti pematuhan seseorang kepada perundangan Islam.	
3	Diat ialah kesalahan dan hukuman yang tidak ditetapkan oleh syarak dan diserahkan kepada budi bicara hakim untuk memutuskannya.	
4	Tadbir urus Islam dalam organisasi perlu menjaga kebajikan setiap pekerja	
5	Ghanimah ialah harta yang dikuasai daripada orang bukan Islam tanpa melalui jalan perang.	

